

29 JUN 2002

MAYBANK-BSKL/I

BSKL MASIH KUKUH, KATA KUMPULAN PELABURAN MAYBANK

KOTA KINABALU, 29 Jun (Bernama) -- Kumpulan Perbankan Pelaburan Maybank tetap yakin terhadap prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur berikutan asas-asas ekonomi yang kukuh dan perkembangan dalam pasaran modal baru-baru ini, kata pengerusinya, Agil Natt, hari ini.

Kumpulan Perbankan Pelaburan Maybank terdiri daripada Aseambankers Malaysia Bhd, Mayban Securities Sdn Bhd, Mayban Discount Bhd, Mayban Investment Management Sdn Bhd, Mayban Ventures Sdn Bhd dan Mayban Futures Sdn Bhd.

Agil berkata, ada beberapa faktor yang menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan menarik iaitu, ekonominya yang cukup pelbagai, suasana perniagaan yang mesra, masyarakat usahawan yang semakin berkembang, pembangunan prasarana yang dinamis, keupayaan kukuh untuk menjana pertukaran asing, sistem bagi memastikan kemudahan menukar matawang serta sistem perbankan dan kewangan yang dikawal selia dengan baik.

Kejatuhan kecil pasaran pada awal minggu ini adalah disebabkan oleh skandal syarikat gergasi telekomunikasi yang disenaraikan di AS, Worldcom Inc dan ketidak pastian mengenai masa depan politik ekoran pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, untuk melepaskan semua jawatannya dalam parti pada Perhimpunan Agung UMNO minggu lalu, katanya kepada pemberita pada satu majlis taklimat media di sini.

Bagaimanapun, katanya: "Dalam beberapa hari yang lalu, pasaran telah mula meningkat. Semalam ia meningkat 13 mata dan sekarang dagangan berada pada 780 mata dan Maybank Securities percaya dagangan di BSKL masih menguntungkan."

Agil juga berkata, kegiatan yang semakin bertambah dalam pasaran, khususnya cadangan tawaran awam awal oleh Maxis dan PLUS Expressway Bhd merupakan petanda baik bursa saham itu kerana ia boleh meningkatkan sentimen pasaran.

Pada masa ini, Maybank, Tenaga Nasional dan Telekom masing-masing menyumbang 10.4 peratus, 9.9 peratus dan 8.8 peratus kepada pewajaran KLCI dan menurut jangkaan Mayban Securities ini mungkin berubah apabila kedua-dua syarikat itu disenaraikan dan senarai komponen Indeks Komposit (CI) diubahsuai, katanya.

Katanya, ia menganggarkan bahawa selepas pengubahsuaian komponen saham CI, pewajaran PLUS dalam indeks itu kelak adalah empat peratus dan Maxis 3.6 peratus, manakala pewajaran Maybank, Tenaga Nasional dan Telekom masing-masing akan berkurangan kepada 9.3 peratus, 8.9 peratus dan 7.7 peratus.

Oleh itu, kesan sebarang penjualan saham Maybank, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional juga kurang kerana pewajaran masing-masing di BSKL boleh dikurangkan, katanya.

Ditanya mengenai sentimen pengurus dana asing terhadap BSKL, Agil berkata: "Ada tinjauan dibuat baru-baru ini oleh pengurus dana, dan daripada apa yang saya dengar, mereka mengambil keputusan untuk memperbesarkan pelaburan di Malaysia sekarang kerana Malaysia menawarkan nilai (bagi pelaburan mereka)."

"Pengurus-pengurus dana ini mencari pasaran saham yang menarik nilainya. Saya rasa mereka membuat kesimpulan bahawa Malaysia menawarkan nilai yang baik kepada mereka pada harga sekarang," katanya lagi.

-- BERNAMA

MK MKO KY ZK

